

Headline	Pengguna cuai bawa padah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	16	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	817 cm ²
Journalist	ASYRAF MUHAMMAD	AdValue	RM 13,936
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,808



Pengguna cuai bawa padah

Ramai tidak peka dengan pengendalian barangan elektrik

ASYRAF MUHAMMAD

Kejadian kebakaran yang berlaku di negara ini kebiasaannya berpunca daripada faktor kecuai penggunaan barangan elektrik di mana sebanyak 2,005 kes dicatatkan pada tahun lalu.

Penolong Ketua Pengarah (Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Zurkarnain Mohd Kassim berkata, ramai yang masih tidak peka dengan pengendalian barangan elektrik di kediaman atau bangunan kilang.

"Kecuaian sebegini lebih mendedahkan seseorang kepada

risiko bahaya sehingga menyebabkan kebakaran.

"Sebagai contoh, selepas menggunakan suis pada barangan elektronik, mereka sewajarnya menutupnya semula bagi mengelakkan litar pintas atau lebih tenaga sehingga mengundang kepada kejadian tidak diingini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu, Zurkarnain berkata, orang ramai juga perlu membeli barangan serta produk elektronik yang mempunyai label Sirim bagi memastikan ia benar-benar selamat untuk digunakan.

Beliau berkata, banyak pihak dilihat memandang remeh hal tersebut dengan menggunakan barangan-barangan elektrik yang menawarkan harga lebih murah tanpa memikirkan aspek keselamatan.

"Barangan elektrik tertakluk di bawah kelolaan Suruhanjaya Tenaga menerusi piawaian-piawaian yang ditetapkan dan mempunyai label



Sirim di mana ia lebih selamat untuk digunakan," katanya.

Dalam pada itu, Zurkarnain berkata, kes kebakaran melibatkan puntung rokok juga mencatatkan jumlah yang tinggi pada tahun lalu di mana sebanyak 753 kes dilaporkan berlaku di seluruh negara.

Ujar beliau, puntung rokok yang tidak dibuang atau dipadamkan sepenuhnya akan mendedahkan lagi kepada risiko berlakunya kebakaran di sesebuah premis.

"Pemah berlaku kes di mana puntung rokok dibuang secara sesuka hati sehingga menyebabkan kebakaran di rumah kediaman lain," katanya.

Tambahnya, antara faktor lain yang menyebabkan berlakunya kebakaran adalah disebabkan oleh mercun, ubat nyamuk, dapur gas dan sebagainya.

info

Tips cegah kebakaran

- Alat/bahan mudah terbakar tidak dibawa ke bilik
- Jangan tinggalkan dapur ketika memasak
- Amalkan untuk matikan suis elektrik apabila selesai menggunakannya
- Jangan menghisap rokok di tempat larangan dan buang puntung sesuka hati
- Jangan menggunakan barangan elektrik tanpa label Sirim
- Jangan membuat sambungan pendawaian elektrik sendiri
- Lakukan pemeriksaan berkala
- Luangkan masa untuk hadir ceramah/latihan mencegah kebakaran
- Laporkan kepada pihak bertanggungjawab jika ada kerosakan pada alatan elektrik/disalahgunakan.
- Jangan letakkan sebarang bahan mudah terbakar seperti kain, kertas, plastik terlalu hampir dengan dapur memasak

Statistik kes 2016

- Elektrik - 2,005 kes
- Puntung rokok - 753 kes
- Percikan api - 229 kes
- Mercun/bunga api - 42 kes
- Ubat nyamuk/lilin/colok - 98 kes
- Dapur gas/ minyak - 528 kes

Kronologi kes

1 Januari 2017 - Sepasang suami isteri nyaris terkorban apabila rumah mereka di Kampung Sungai Labu, Labuan musnah dijilat api kira-kira setengah jam pada malam tahun baharu

3 Januari 2017 - Seorang pemandu van nyaris cedera apabila van yang dipandunya terbakar dalam kejadian di sebuah jalan berhampiran kiosk Bertam

3 Januari 2017 - Sebuah kedai dua tingkat menempatkan perniagaan alat tulis di Seksyen 2, Shah Alam musnah dalam kebakaran

7 Januari 2017 - Empat penghuni rumah jagaan warga emas di Jalan Raja Uda, Butterworth, dikejarkan ke Hospital Seberang Jaya (HSJ) kerana sesak nafas akibat terhidu asap ketika rumah perlindungan itu terbakar

14 Januari 2017 - Seorang murid tahfiz cedera dalam kebakaran asrama Pondok Nurul Iman di Kampung Tanjung Batu, Nenas, Pekan

